

Hilang gelap timbul terang

Pasangan dengan tujuh anak berjaya keluar daripada himpitan hidup melalui skim AMP yang beri mereka pelbagai bantuan untuk berdikari



TIDAK LAGI BERGELAP: Kalau dahulu keluarga ini bergelap, Encik Abdul Aziz (dua dari kanan) berserta isteri, Cik Kamisah (dua dari kiri), serta dua daripada tujuh anak mereka - Encik Abdullah Shamsul (kanan), dan Cik Nur Haizan (kiri) - serta cucu angkat mereka, Adam Rifqi Mohd Arafat, kini mampu tersenyum dan bersyukur kerana tidak lagi perlu bergantung kepada mana-mana pihak. - Foto FARID HAMZAH

22 Feb 2015

FARID HAMZAH

MEREKA pernah bergelap seminggu lamanya gara-gara bayaran bil elektrik yang tertunggak.

Pada ketika itu anak-anak pasangan suami isteri Encik Abdul Aziz Abdul Rahim dan Kamisah Atan hanya bergantung kepada cahaya lilin atau lampu suluh untuk belajar.

Ada pula yang duduk di koridor flat empat bilik mereka itu semata-mata untuk mendapatkan cahaya lampu semasa mengulang kaji pelajaran masing-masing.

Cukup masanya mereka pulang ke unit empat bilik mereka di Hougang Avenue 8 untuk meneruskan kehidupan harian - tanpa televisyen, radio atau kipas.

Mereka tidur di ruang tamu dengan pintu yang dibuka. Hanya jeriji yang dikunci memisahkan mereka dengan koridor luar.

Tetapi itu semua menjadi kenangan belaka.

EMPAT TAHUN HARUNGI DETIK SUKAR

Selepas empat tahun mengharungi detik-detik sukar, kini keluarga sembilan beranak itu - termasuk tujuh anak pasangan tersebut - sudah boleh menarik nafas lega.

Dahulu mereka bergantung kepada bantuan luar termasuk Skim Keluarga dan Belia Angkat (AFYS), tetapi kini mereka boleh dianggap sudah mampu berdikari.

Menceritakan kisah lama itu, anak sulung pasangan tersebut, Encik Abdullah Shamsul, 29 tahun, berkata kisah lama itu pasti menjadi kenangan bagi beliau dan enam adiknya - buat selama-lamanya.

"Saya diberitahu akibat tertunggak bil elektrik, kami terpaksa bergelap. Ketika itu saya masih di sekolah menengah, tapi saya masih ingat kami semua tidak mengeluh.

"Sebaliknya kami belajar bergantung pada lilin, lampu suluh dan lampu di koridor untuk mengulang kaji pelajaran," kata jejaka bujang itu yang akhirnya berjaya menamatkan pengajian diploma dalam bidang kejururawatan di Politeknik Nanyang (NYP) pada 2012.

Pada masa itu bapanya, Encik Abdul Aziz, 59 tahun, pula terpaksa mengambil cuti sakit selama dua tahun kerana masalah kesihatan, selain tidak bekerja.

Kerana itulah ibunya telah mendapatkan bantuan daripada Angkatan Karyawan Islam (AMP) bagi meringankan beban keluarga mereka pada 2010.

Selepas kes mereka dikaji pekerja sosial, mereka didapati layak menerima bantuan AFYS.

Di bawah skim tersebut mereka mendapat bantuan seperti bayaran bil elektrik yang tertunggak, kos pengangkutan untuk anak-anak, biasiswa pendidikan, kelas madrasah, bantuan tuisyen dan program pengayaan, selain latihan kemahiran untuk Encik Abdul Aziz dan Cik Kamisah.

Selain bantuan AFYS, keluarga itu turut mendapat bantuan berupa makanan asas seperti beras, minyak, mi segera dan gula.

Mereka turut menerima bantuan makanan daripada individu tidak dikenali berupa makanan asas selama tiga tahun.

Masa berlalu dan pada tahun lalu keluarga tersebut didapati layak keluar daripada skim bantuan itu selepas empat anak pasangan itu mula bekerja.

Mereka ialah Encik Abdullah Shamsul, jururawat staf di Hospital Tan Tock Seng (TTSH); adik ketiganya, Cik Siti Nurjannah, 24 tahun, juga jururawat staf di Hospital Besar Singapura (SGH); Cik Saerah, 27 tahun, penolong pentadbiran; dan Encik Muhammad Suhaimi, 23 tahun, pegawai kargo.

Anak-anak lain ialah Cik Nurhaizan, 21 tahun, sedang mencari pekerjaan; Abdul Shukor, 17 tahun, bakal menjalani Perkhidmatan Negara; dan Muhammad Annas, 14 tahun, sedang menuntut dalam menengah dua.

SERTAI PROGRAM PERNIAGAAN

Encik Abdul Aziz pula kini penyelia keselamatan selepas berjaya menamatkan kursus penyeliaan di bawah skim AFYS.

Cik Kamisah, 52 tahun, suri rumah, pula telah dihantar menyertai program Perniagaan Mikro kendalian AMP. Di sana beliau mempelajari selok-belok berniaga kuih-muih secara kecil-kecilan di rumah.

"Mujur kami layak menerima bantuan AFYS yang telah banyak menyokong kami sekeluarga sepanjang empat tahun," kata Encik Abdul Aiz.

Mereka bukan satu-satunya keluarga yang berjaya melangkah keluar daripada skim AFYS.

Menurut Pengurus Kanan AMP, Cik Hameet Khanee, sekitar 20 peratus klien AFYS berjaya melangkah keluar daripada skim tersebut sekitar dua hingga tiga tahun selepas menerima bantuan.

Sekitar 20 peratus lagi terpaksa digugurkan daripada skim itu selepas tiga hingga empat tahun kerana memerlukan bantuan jangka panjang akibat menghadapi isu-isu seperti masalah penyakit kronik yang melanda pencari nafkah atau anak-anak atau anak-anak bakal melangkah ke alam pekerjaan.

Dalam hal sedemikian mereka akan disalurkan kepada skim-skim bantuan nasional yang mampu memenuhi keperluan masing-masing, kata beliau.

"Saya diberitahu akibat tertunggak bil elektrik, kami terpaksa bergelap. Ketika itu saya masih di sekolah menengah, tapi saya masih ingat kami semua tidak mengeluh. Sebaliknya kami belajar bergantung pada lilin, lampu suluh dan lampu di koridor untuk mengulang kaji pelajaran."

- Encik Abdullah Shamsul, 29 tahun, yang meskipun hidup susah semasa kecil, berjaya meraih diploma kejururawatan dari Politeknik Nanyang dan kini bekerja sebagai jururawat.